

**BN S'gor sokong Pakatan sekat kenaikan tarif air**  
**MalaysiaKini.com**  
**11 Julai, 2012**  
**Oleh Hazlan Zakaria**

Pembangkang Selangor menawarkan sokongan untuk menentang sebarang usaha oleh Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) untuk menaikkan tarif air sekiranya membebankan rakyat.

Ketua pembangkang Datuk Mohamad Satim Diman menyatakan sokongan itu ketika penggulungan perbahasan rang undang-undang perbekalan tambahan hari ini.

Mohamad Satim berkata demikian dalam celahannya semasa ucapan penggulungan oleh Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Xavier Jayakumar.

Xavier menjawab soalan yang dikemukakan berhubung loji rawatan air Langat 2 dan bekalan air di Selangor, yang kini bawah pengurusan SYABAS.

Ketua pembangkang tersebut, yang juga ADUN Seri Serdang berkata kerajaan negeri boleh meluluskan loji berkenaan dengan syarat, sekiranya bimbang tarif air dinaikkan sehingga 75 peratus bagi menampung kos Langat 2 sebanyak RM4.8 juta.

Katanya, kerajaan negeri boleh mensyaratkan supaya SYABAS tidak dibenarkan menaikkan tarif air.

Beliau seterusnya berikrar bahawa pembangkang akan menentang sebarang usaha untuk menaikkan tarif air tersebut.

Xavier bagaimanapun mempertikaikan keghairahan BN untuk melihat projek berkenaan diluluskan.

"Mungkin seseorang menerima sesuatu daripada konsortium yang mendapat projek?," katanya.